

PERUSAHAAN PADI DALAM TAHUN 20AN:  
SATU KES STUDI DI DAERAH PEKAN, PAHANG.

LATIHAN ILMIAH INI DISEDIAKAN BAGI  
MEMENUHI KEPERLUAN IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

SIDANG  
1981/1982.

oleh  
WAN JAMALUDDIN WAN OMAR

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur saya kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izinNya, saya berjaya menghasilkan 'Latihan Ilmiah' ini setelah menghadapi beberapa masalah dan beberapa kekurangan yang ada pada diri saya. Latihan Ilmiah ini disediakan bagi memenuhi keperluan Ijazah Sarjana Muda Sastera, Universiti Sains Malaysia.

Antara masalah yang dihadapi ialah, ketiadaan bantuan kewangan dari Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan bagi menjalankan penyelidikan dan kajian ini, terutama sekali kerana tempat kajian saya ini jauh dari universiti ini. Kekurangan kewangan dan kesuntukan masa untuk berulang-alik dari universiti ke Arkib Negara Malaysia, di Petaling Jaya, menyebabkan banyak bahan-bahan yang tidak dapat digunakan. Walau bagaimanapun saya bersyukur kerana Latihan Ilmiah ini dapat disiapkan mengikut masa yang ditetapkan.

Di sini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah dan orang-orang yang telah membantu saya sehingga Latihan Ilmiah ini siap. Terutama sekali kepada penyelia Latihan Ilmiah saya, Encik Kosim Ahmad, yang telah membantu menyemak, memberi nasihat dan tunjuk ajar yang berguna kepada saya semasa menjalankan

pemyelidikan dan penulisan Latihan Ilmiah ini. Kepada Encik Leong Yee Foong yang telah mencadangkan tajuk ini kepada saya, kepada Dr. Paul H. Kratoska, yang telah membantu mendapatkan bahan-bahan yang berkaitan dengan tajuk Latihan Ilmiah saya. Kepada Encik Khoo Khay Jin yang telah memberi beberapa nasihat kepada saya semasa menjalankan kajian di Arkib Negara. Akhir sekali saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada kakitangan Arkib Negara Malaysia, Kakitangan Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Kakitangan Perpustakaan Universiti Malaya, yang telah memberikan kerjasama dalam mendapatkan bahan-bahan bagi kajian saya. Dan ucapan terima kasih saya tujukan kepada keluarga saya dan rakan-rakan yang telah membantu dan mendorong saya untuk menyiapkan Latihan Ilmiah ini.

Kerja-kerja penyelidikan dan pembacaan bagi mendapatkan bahan-bahan bagi Latihan Ilmiah ini telah mendedahkan saya kepada pengalaman baru yang sangat berguna bagi kerja-kerja penyelidikan dimasa hadapan.

Wassalam.

Wan Jamaluddin Wan Omar

2hb. Februari, 1982.

Ringkasan

Tajuk: 'Perusahaan Padi Dalam Tahun 20an: Satu Kes  
Studi Di Daerah Pekan, Pahang', saya memilih tajuk ini  
sebagai tajuk latihan ilmiah kerana saya ingin cuba  
menerangkan kedudukan ekonomi orang-orang Melayu yang  
bergantung kepada pertanian, terutama sekali tanaman  
padi. Dalam kajian ini, saya ada menggunakan fail-fail  
Pejabat Tanah dan Daerah, Daerah Pekan dan daerah-daerah  
lain dalam Negeri Pahang yang dikeluarkan dalam zaman  
British. Saya juga menggunakan bahan-bahan lain seperti  
'Pahang Annual Report', 'Annual Report Department of  
Agriculture' dan bahan-bahan lain yang dikeluarkan dalam  
tahun 20an.

Kajian ini juga cuba melihat apakah kesan krisis  
kemerosotan pengeluaran hasil padi dan beras dunia  
selepas Perang Dunia Pertama. Kemerosotan ini sebenarnya  
telah memberi kesan buruk ke atas ekonomi Malaya yang  
bergantung kepada impot beras dari Burma, Siam dan  
Indo-China. Tetapi adakah kesan ini dirasakan di Daerah  
Pekan? Adakah penduduk-penduduk Daerah Pekan juga  
bergantung kepada beras impot dari luar? Jika benar  
mengapa? Adakah kerana cara pengeluaran petani-petani

Melayu Daerah Pekan masih lagi primitif dan tidak produktif? Mengapa petani tidak mengeluarkan hasil lebih dari keperluan mereka?

Dalam bab pertama, saya akan menerangkan kedudukan daerah Pekan sebagai pusat pentadbiran, dan juga latar belakang ekonomi penduduk tempatan sebagai pengenalan dan latar belakang. Dalam bab pertama ini juga, saya akan membincangkan secara ringkas pentadbiran tanah yang diperkenalkan oleh British, hingga kepada pembentukan Tanah Simpanan Melayu. Sebab saya menyentuh hal Tanah Simpanan Melayu ini, kerana saya merasakan pembentukan Tanah Simpanan Melayu telah mengekalkan orang-orang Melayu dalam perusahaan pertanian yang tidak menguntungkan. Selain dari itu, saya cuba untuk menunjukkan bagaimana pembentukan Tanah Simpanan Melayu daerah Pekan dilaksanakan.

Dalam bab kedua pula, saya akan membincangkan tentang kemelesetan hasil padi di Malaya yang bermula dari tahun 1913 hingga ke tahun-tahun 20an. Adakah kekurangan hasil ini turut berlaku di daerah Pekan? Saya akan menunjukkan langkah-langkah kerajaan dalam mengawal kenaikan harga dan kekurangan beras. Penubuhan

'Food Control' dan undang-undang bagi mengawal kekurangan makanan masa itu.

Saya akan membincangkan langkah-langkah kerajaan (British) untuk menambahkan pengeluaran hasil padi dan hasil pertanian yang lain dalam tahun-tahun 20an, dalam bab ketiga. Antara langkah-langkah itu ialah pembukaan kawasan-kawasan baru, pembinaan taliair oleh Jabatan Parit dan Taliair yang sebelum ini dijalankan oleh 'Department of Public Works' (JKR). Langkah kerajaan membentuk pusat-pusat penyelidikan pertanian seperti di Krian, Titi Serong, Petaling Hill dan lain-lain tempat lagi.

Dalam bab keempat pula saya akan membincangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh petani-petani daerah Pekan dalam memajukan dan menambahkan hasil mereka. Dalam bab ini juga saya cuba menyingkap kembali tuduhan-tuduhan pegawai-pegawai Inggeris yang mengatakan orang-orang Melayu malas. Mereka sebenarnya tidak faham masalah yang dihadapi oleh petani-petani itu.

Saya akan membuat kesimpulan dan rumusan kepada bab pertama, bab kedua, bab ketiga dan bab keempat dalam bab kelima.

Isi Kandungan

	muka surat
Penghargaan	i
Ringkasan	iii
Isi Kandungan	vi
Pengenalan	viii
Singkatan Perkataan	xii
Senarai Data dan Peta	xii
Bab I : Latar Belakang Ekonomi Daerah Pekan .....	1
- Pengenalan Daerah Pekan	
- Penduduk dan Pekerjaan	
- Hubungan Masyarakat	
- Pentadbiran Tanah	
- Tanah Simpanan Melayu	
Bab II : Masalah Kekurangan Beras Sehingga Tahun 20an. ....	18
- Masalah Penanaman	
- Kesan Dari Perang Dunia Pertama	
- Hasil Padi Daerah Pekan	
- Kawalan Kerajaan Pada Masa Kekurangan Beras	
Bab III : Langkah-Langkah Kerajaan Untuk Menambah Pengeluaran .....	38
- Masalah dan Beberapa Cara Mengatasinya	

- Mencari Kawasan Baru dan Masalah Penerokaan	
- Pusat Penyelidikan Pertanian Bagi - Memperbaiki Mutu	
- Cadangan Tanaman Dua Kali Setahun Dan Pemberian Lesen Hak Milik Sementara	
- Saranan Sultan	
- Pinjaman	
- Pameran	
<b>Bab IV: <u>Sambutan Dan Masalah Yang Dihadapi</u></b>	
<u>Oleh Petani</u> .....	64
- Masalah Buruh Dalam Pembinaan Taliair	
- Masalah Banjir	
- Masalah Mendapatkan Benih Dan Tanah	
- Masalah Baja Dan Musuh Padi	
- Masalah Kerbau	
- Saingan Dari Tanaman Lain	
<b>Bab V : <u>Kesimpulan</u></b> .....	80
Lampiran .....	87
Senarai Bahan Rujukan .....	94



usaha padi sebelum tahun 1910. H. C. Pratt,<sup>9</sup> Padi Cultivation in Krian. D. H. Grist,<sup>10</sup> Wet Padi Planting in Negeri Sembilan. Sehingga ini tidak ada penulis yang telah menulis tentang masalah penanaman padi di zaman kekurangan hasil tersebut yang khusus bagi satu-satu kawasan-sebagai contohnya. Kecuali Paul H. Kratoska yang telah menggunakan Krian, Perak, sebagai tempat kajian. R. G. Cant,<sup>11</sup> telah menulis mengenai Pahang dari sudut georgraphy dan telah menyentuh sedikit tentang pertanian di Negeri Pahang.

Pendekatan yang diberikan oleh setiap penulis selalunya berlainan. Saya akan cuba mengemukakan langkah-langkah kerajaan untuk mengatasi masalah kekurangan beras diakhir dekad pertama dan kedua abad kedua puluh itu. Saya akan menggunakan apa yang dikatakan oleh Lim Teck Ghee, 'Rice shortage 1913 - 1921',<sup>12</sup> sebagai asas kajian.

---

<sup>9</sup>H. C. Pratt, 'Padi Cultivation in Krian', dalam Department of Agriculture SS and FMS., Bulletin No. 12, 1911, Kuala Lumpur.

<sup>10</sup>D. H. Grist, 'Wet Padi Planting in Negeri Sembilan' dalam Department of Agriculture SS. and FMS, Bulletins No.33, 1923, Kuala Lumpur.

<sup>11</sup>R. G. Cant, An Historical Georgraphy of Pahang, Times Printers Sdn. Bhd. Singapura, 1972.

<sup>12</sup>Lim Teck Ghee, Peasants and their Agriculture Economy in Colonial Malaya 1874-1941. ms-103

Apakah punca kekurangan beras dan padi pada waktu itu berpunca dari kekurangan penghasilan dalam negeri atau kekurangan penghasilan luar negeri dan mengapa hasil dalam negeri tidak mencukupi? Saya akan menggunakan kawasan Pekan, Pahang sebagai kawasan kes studi, untuk melihat sama ada keadaan ini juga berlaku di daerah Pekan. Kawasan Pekan digunakan untuk menilai samada benar kekurangan beras di daerah itu dan daerah-daerah lain berpunca dari masyarakat tempatan sebagai anti 'cash crop'. Dakwaan ini banyak dikemukakan oleh teori-teori barat, seperti kata Popkin,<sup>13</sup> petani Asia Tenggara anti market dan petani lebih mengutamakan 'common property to private, and dislike buying and selling'.<sup>14</sup> Ketidaksihempulan petani menghasilkan lebihan untuk keperluan orang lain dikatakan petani anti market. Adakah ini boleh diterima? Sebenarnya banyak masalah lain yang harus dihadapi oleh petani dalam menghasilkan perusahaan mereka, ini tidak difikirkan oleh banyak para pengkaji.

---

<sup>13</sup>S. Popkin, The National Peasant, The Political Economy of Rural Society Vietnam, London, 1979.

<sup>14</sup>Ibid, ms.9.